

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **PUAN TEO NIE CHING**  
**[KULAI]**

**TARIKH** : **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN** : **49**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta **MENTERI MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI** menyatakan hasil siasatan Jabatan Perlindungan Data Peribadi terhadap Sunner Group International Berhad yang telah menyalahguna nomber telefon orang ramai yang tidak pernah berurusan dengan mereka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) masih menjalankan siasatan terhadap syarikat Sunner Group International Berhad yang disyaki telah menyalah guna data peribadi tanpa kebenaran pelanggan (subjek data). Sekiranya syarikat tersebut didapati bersalah, syarikat boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 6 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) iaitu denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.